



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PEMBERIAN ELAUN KHAS BULANAN KEPADA PEGAWAI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA DALAM MENANGANI DAN MEMBENDUNG PENULARAN WABAK COVID-19

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan bayaran elaun khas kepada pegawai yang terlibat dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19.
2. Garis Panduan ini juga adalah selari dengan Garis Panduan Pemberian Elaun Khas Bulanan Kepada Petugas-Petugas Kerajaan Dalam Menangani Dan Membendung Penularan Wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara selaku Agensi Peneraju Utama pengurusan bencana di Malaysia.
3. Elaun ini adalah khusus untuk pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang **Terlibat Secara Langsung** dalam keseluruhan rangkaian pengurusan misi bantuan kemanusiaan dan bencana (HADR), operasi-operasi tindakbalas COVID-19 termasuk operasi nyah-kuman, sanitasi awam, penyediaan pengangkutan, penyediaan logistik dan bertugas di Bilik Gerakan COVID-19, yang diuruskan atau apa-apa kerja-kerja berkaitan COVID-19 diperakukan oleh Ketua Jabatan.

PUNCA KUASA

4. Punca kuasa pelaksanaan Pemberian Elaun Khas Bulanan COVID-19 ialah ;
 - (a) Surat daripada Kementerian Kewangan - Pemanjangan Elaun Khas Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Menangani COVID-19; Rujukan: MOF.PB(S)600-8/7/14(36) bertarikh 5 April 2020;
 - (b) Inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) seperti yang diumumkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 29 Mac 2020;
 - (c) Di dalam Perkara 4.12; Minit Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Berhubung Pelaksanaan PKP Bil.7/2020;
 - (d) Garis Panduan Pemberian Elaun Khas Bulanan Kepada Petugas-Petugas Kerajaan Dalam Menangani dan Membendung Penularan Wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

TAKRIFAN

5. Bagi maksud Garis Panduan ini:

“Ketua Jabatan” bermaksud Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Takrifan ini termasuklah mana-mana Pegawai Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang diberikuasa secara bertulis rasmi oleh Ketua Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

“Pegawai” bermaksud Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan, Pegawai Gunasama dan Sokongan yang berkhidmat di dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

“Terlibat Secara Langsung” bermaksud penglibatan atau pelaksanaan tugas oleh pegawai adalah signifikan, dan diperakukan oleh Ketua Jabatan; yang mana sekiranya petugas tidak melaksanakan tugasnya, kelancaran pengurusan, operasi atau misi menangani penularan COVID-19 tersebut akan terjejas.

LATAR BELAKANG

6. Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020) di bawah Strategi Pertama: Menangani Impak COVID-19 dan di bawah inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), iaitu Bantuan Kepada Individu Yang Terkesan, sebagai tanda penghargaan kepada petugas awam barisan hadapan di dalam memerangi COVID-19, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi elaun khas pada kadar RM400.00 sebulan kepada doktor dan kakitangan perubatan lain yang secara langsung terdedah kepada risiko COVID-19. Selain itu, Kerajaan juga bersetuju memberi elaun khas pada kadar RM200.00 sebulan kepada petugas Imigresen dan semua kakitangan lain yang terlibat dalam operasi menangani dan membendung penularan wabak COVID-19.

7. Pemberian elaun khas ini adalah berkuatkuasa mulai Februari 2020 sehingga penularan wabak COVID-19 diisytiharkan berakhir oleh Kerajaan.

8. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan ini menjelaskan dasar dan mekanisme bayaran elaun khas ini agar pelaksanaan pembayaran adalah teratur.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

9. Pegawai yang layak diberikan elaun ini adalah pegawai yang diarahkan untuk terlibat secara langsung bagi melaksanakan skop tugas berikut:

- (a) Menjalankan tugas-tugas atau aktiviti yang terlibat dalam keseluruhan rangkaian koordinasi dan pengurusan Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR) membawa pulang warganegara Malaysia yang terkandas di luar negara;
- (b) Menjalankan tugas-tugas atau aktiviti yang terlibat dalam keseluruhan rangkaian koordinasi dan pengurusan operasi termasuklah operasi nyah-

kuman, penyediaan pengangkutan dan logistik di lokasi yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana di semua peringkat;

- (c) Menjalankan tugas-tugas atau aktiviti yang terlibat dalam keseluruhan rantai koordinasi dan pengurusan operasi termasuklah operasi nyah-kuman, penyediaan pengangkutan dan logistik serta bersedia di hospital, klinik kesihatan, *Home Surveillance Centre* (HSC) dan Pusat Kuarantin & Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah;
 - (d) Menjalankan tugas di Pusat Pengurusan Operasi, Pusat Gerakan Operasi dan Bilik Gerakan COVID-19 di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah;
 - (e) Menjalankan tugas penyediaan logistik dan pengangkutan (termasuk aktiviti penyediaan kemudahan tempat operasi, penstoran, penghantaran dan pengagihan bantuan makanan serta keperluan) *Personal Protection Equipment* (PPE) atau mana-mana barangan atau peralatan bagi petugas hadapan yang terlibat dalam aktiviti menangani COVID-19;
 - (f) Menjalankan tugas-tugas atau aktiviti yang terlibat dalam keseluruhan rantai koordinasi pengurusan Operasi Sanitasi Awam;
 - (g) Lain-lain tugas-tugas atau aktiviti yang terlibat dalam keseluruhan rantai koordinasi pengurusan COVID-19 **secara langsung sahaja** seperti pengurusan perolehan dan tadbir urus supaya kelancaran pengurusan, operasi atau misi menangani penularan COVID-19 tersebut tidak akan terjejas (rujuk perkara 5) yang diperakui oleh Ketua Jabatan;
10. Seseorang Pegawai adalah dianggap tidak layak menerima elaun ini sekiranya:
- a) Tidak terlibat secara langsung di dalam tugas-tugas atau aktiviti yang terlibat dalam keseluruhan rantai koordinasi pengurusan COVID-19 atau menjalankan operasi sanitasi hanya di Balai Bomba, Pejabat Zon, Ibu pejabat dan di kawasan **zon hijau** (tiada kes COVID-19 dilaporkan).

- b) Menjalankan tugas-tugas atau aktiviti pengurusan COVID-19 yang tidak rasmi seperti melalui pihak Organisasi Bukan Kerajaan atau pihak lain yang tiada kaitan dengan tugas rasmi Jabatan.

Kadar Elaun

11. Kadar elaun yang layak dibayar kepada pegawai yang terlibat secara langsung adalah sebanyak **RM200.00 sebulan**.

Kaedah Pembayaran

12. Bayaran elaun ini dibuat berdasarkan tuntutan yang dikemukakan oleh pegawai pada setiap bulan kalendar, menggunakan **Borang Bayaran Khas COVID-19** seperti di **Lampiran B**, yang disahkan dan diluluskan oleh Ketua Jabatan masing-masing.

13. Borang tuntutan tersebut perlu dikemukakan bersama-sama sekurang-kurangnya dokumen lampiran seperti berikut:

- a) **Surat Perakuan/ Surat Arahan/ Memo Arahan/ Buku Harian Balai daripada Ketua Jabatan**
- b) **Maklumat Akaun Bank pegawai.**

14. Kelayakan bayaran adalah dibayar atas kadar RM200.00 sebulan, bagi pegawai yang menjalankan **tugas sebagaimana yang ditetapkan di Para 9, sekurang-kurangnya tiga (3) hari dalam satu bulan kalendar**.

15. Kelayakan tuntutan adalah berdasarkan kepada tarikh atau tempoh diarahkan bertugas pada atau selepas 1 Februari 2020, iaitu mulai tarikh pegawai memulakan tugas, sehingga pegawai tidak lagi diarahkan melaksanakan skop tugas tersebut.

16. Tuntutan ini hendaklah dikemukakan **tidak lewat dari 10 haribulan bulan berikutnya kepada Unit Kewangan masing-masing**, dengan **hanya satu tuntutan yang dibenarkan untuk satu-satu bulan kalendar**. Namun tuntutan bagi bulan Februari dan Mac 2020 boleh dikemukakan selewat-lewatnya pada 10 Mei 2020.

17. Pembayaran elaun akan dibayar secara terus ke akaun bank pegawai dalam tempoh 14 hari selepas dokumen lengkap diterima.

Tanggungjawab Ketua Jabatan

18. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk :

- (a) Memastikan bilangan pegawai yang mencukupi untuk diarah bertugas dalam sesuatu operasi/misi/program yang diarahkan;
- (b) Memastikan pegawai mengambil langkah pencegahan dan langkah keselamatan dalam tempoh diarah bertugas;
- (c) Membuat semakan, mengesahkan dan meluluskan setiap tuntutan elaun berdasarkan dokumen tuntutan lengkap dan sah; dan
- (d) Memastikan bayaran diurus dengan cekap dan teratur berdasarkan peruntukan dan peraturan yang berkuatkuasa.

TARIKH KUATKUASA

19. Pelaksanaan bayaran elaun ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2020 atau mulai pegawai diarah melaksanakan skop tugas di Para 9, sehingga penularan wabak COVID-19 diisytiharkan berakhir oleh Kerajaan.


PEMAKAIAN

20. Elaun ini diberi secara *one-off* rentetan penularan wabak COVID-19 sahaja, dan tempoh pelaksanaannya adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan. Pemberian elaun ini tidak menghalang pegawai menuntut atau menerima elaun yang melayakkannya mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

21. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

Tarikh: 7 April 2020

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MAKLUMAT PEGAWAI

BAYARAN ELAUN KHAS COVID-19

BULAN / TAHUN:

(Tuntutan hendaklah dikemukakan sebelum 10 haribulan berikutnya)

MAKLUMAT PERLAKSANAAN TUGAS

NAMA:		
NO. BADAN:		
NO. KAD PENGENALAN :		
NO AKAUN BANK:		
OPERASI COVID-19	BUTIRAN BAYARAN	
	JUMLAH TUNTUTAN	RM
		200
1)		
2)		
3)		
PENGAKUAN		
Saya mengaku bahawa: a) Butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadapnya; b) Tuntutan yang dibuat adalah mengikut kadar dan syarat yang dinyatakan di bawah Peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa; dan c) Saya membenarkan kutipan balik oleh Ketua Jabatan sekiranya terdapat lebihan elaun yang dibayar. Tarikh: _____ (Tandatangan Pemohon)		
PENGESAHAN		
Saya dengan ini mengesahkan pegawai telah diarahkan bertugas dan layak dibayar Elaun Khas Covid-19 berjumlah RM200 sebulan. Tarikh: _____ (Tandatangan) Nama: Jawatan:		

Nota:

(*) Sila sertakan Salinan Buku Harian Balai (Occurrence Book) dan buku Log pasukan yang telah disahkan oleh Penyelia/ Ketua Balai/ Penolong Pengarah Operasi (PPON)

(*) Sila sertakan Arahan Bertugas Covid-19 yang telah disahkan oleh Pengarah Bahagian/Negeri/Penolong Pengarah Operasi (PPON)

(**) Potong mana yang tidak berkenaan